



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL Bangunkan Semula Gerai Penjaja UTC Sentul, Bantu Penjaja Terus Berniaga Di Lokasi Sama

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ingin menjelaskan bahawa kerja-kerja perobohan struktur penjaja di Jalan 3/48A, UTC Sentul yang tular di media sosial merupakan sebahagian daripada proses pembangunan semula kawasan penjaja di lokasi berkenaan dan bukannya bertujuan menamatkan atau memindahkan aktiviti perniagaan penjaja.
2. Kawasan penjaja tersebut telah menjadi lokasi perniagaan komuniti setempat sejak hampir 30 tahun lalu dan menjadi antara tumpuan penduduk sekitar. Berdasarkan rekod DBKL, kawasan berkenaan melibatkan 33 struktur penjaja dengan 20 penjaja dikenal pasti masih aktif menjalankan perniagaan.
3. DBKL ingin menegaskan bahawa proses ini bukan dilaksanakan secara tergesa-gesa. Perancangan projek telah bermula lebih awal melalui Program Lestari Niaga dan beberapa siri perbincangan telah diadakan sebelum sesi libat urus bersama penjaja serta pihak berkepentingan dilaksanakan pada 10 Februari 2026 bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas berhubung cadangan pembangunan semula kawasan tersebut.



4. Mengambil kira kepentingan lokasi tersebut kepada komuniti penjaja dan pelanggan sedia ada, DBKL memutuskan untuk membangunkan semula kemudahan penjaja di kawasan yang sama supaya aktiviti perniagaan dapat diteruskan setelah projek siap dilaksanakan.
5. Kerja-kerja perobohan struktur sedia ada adalah langkah yang perlu bagi membolehkan pembinaan semula kemudahan yang lebih selamat, lebih tersusun dan memenuhi keperluan semasa.
6. Melalui projek ini, sebanyak 20 unit gerai baharu akan dibina lengkap dengan kemudahan yang lebih selesa untuk penjaja dan pelanggan. Kemudahan yang disediakan termasuk bekalan air dan elektrik, ruang makan berbumbung, pencahayaan yang lebih baik, tempat mencuci tangan, kemudahan pengurusan sisa yang lebih teratur serta penambahbaikan infrastruktur kawasan termasuk sistem saliran.
7. Projek pembangunan semula ini melibatkan kos sebanyak RM1.6 juta dan telah bermula pada 15 Jun 2026. Projek ini dijangka siap dalam tempoh kira-kira tiga bulan sebelum mula beroperasi pada Oktober 2026.
8. Bagi membantu penjaja yang terlibat sepanjang tempoh pembangunan semula, DBKL buat pertama kali memperkenalkan bantuan khas sebanyak RM1,500 kepada setiap penjaja yang layak. Pendekatan ini merupakan penambahbaikan baharu yang diperkenalkan DBKL berbanding kaedah terdahulu yang lazimnya melibatkan penyediaan tapak sementara sepanjang tempoh pembinaan.

9. Penyediaan tapak sementara bukan sahaja melibatkan kos yang lebih tinggi, malah terdapat keadaan di mana lokasi sementara kurang strategik dan tidak menerima jumlah pengunjung yang setanding dengan lokasi asal. Justeru, DBKL mengambil pendekatan untuk menyalurkan bantuan kewangan secara terus kepada penjaja yang terlibat di samping memastikan mereka dapat kembali berniaga di lokasi yang sama setelah projek pembangunan semula siap dilaksanakan.
10. Pelaksanaan projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur 2026 yang melibatkan 287 lokasi di seluruh Kuala Lumpur dan memberi manfaat kepada lebih 11,000 penjaja melalui pembangunan semula serta penambahbaikan kemudahan penjajaan bandar.
11. DBKL kekal komited memperkasa komuniti penjaja melalui penyediaan kemudahan perniagaan yang lebih berkualiti, selamat dan selesa di samping memastikan pembangunan bandar dilaksanakan secara terancang tanpa mengabaikan kebajikan serta kelangsungan sumber pendapatan komuniti penjaja.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
19 Jun 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

